

14/07/1997

Tamadun Islam: Usaha positif betulkan persepsi

Mohd Fuad Razali

SEPERTI yang sudah dijelaskan oleh Najib, kursus Tamadun Islam sebenarnya bukanlah satu kursus yang baru di IPTA. Pelaksanaan kursus itu sebenarnya sudah dimulakan sejak 1983 atas saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri yang menjadi Menteri Pelajaran ketika itu.

Antara lain, Dr Mahathir menegaskan, kursus itu bertujuan "memperkenalkan Islam sebagai sebuah tamadun yang unggul kepada pelajar pelbagai kaum dan agama ... dan pada akhirnya diharapkan orang bukan Islam ... tidak lagi takut kepada Islam."

Menurut Dr Sidek, walaupun kursus berkenaan sudah dilaksanakan sejak lebih satu dekad yang lalu oleh beberapa universiti, kurikulum dan tempoh masa yang digunakan untuk pengajaran antara universiti berkenaan adalah berbeza.

Ketika ini ada empat universiti yang menawarkan kursus Tamadun Islam iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Sains Malaysia (USM). UKM, UPM dan UTM menjadikannya kursus yang wajib diambil dan wajib pula lulus oleh semua pelajarnya - Islam dan bukan Islam. Bagaimanapun di USM pula menjadikannya kursus kuliah massa yang tidak diwajibkan. USM mewajibkan kepada pelajar Islam sahaja tetapi mereka boleh bertukar kepada kursus lain jika gagal, manakala kepada pelajar bukan Islam boleh menjadikannya kursus opsyen.

Malah UTM sendiri sebenarnya sejak 1972 lagi telah mewajibkan kursus Kenegaraan dan Pendidikan Islam/Moral di kalangan pelajarnya. Bagaimanapun pada 1993 kursus Pendidikan Islam/Moral diselaraskan untuk semua pelajarnya dikenali sebagai Falsafah Sains dan Perbandingan Agama.

Keberkesanan pelaksanaan kursus itu dibincangkan dalam mesyuarat Badan Perunding Islam yang bermesyuarat pada 1995. Berikutan itu, kata Dr Sidek, badan berkenaan bersetuju menubuhkan sebuah jawatankuasa petugas untuk mengkaji pelaksanaan kursus berkenaan dan menggubal satu kurikulum baru yang boleh dipakai oleh semua IPTA.

Berikutan itu, kajian telah dijalankan di universiti terbabit untuk mengetahui status dan respons pelajar. Hasilnya, jawatankuasa itu mendapati respon yang positif daripada kalangan pelajar sama ada Islam mahupun bukan Islam.

Menurut Dr Sidek, kajian yang dijalankan di UKM pada sesi 1995/96 mendapati majoriti pelajar (94 peratus) mengakui mendapat kefahaman yang betul mengenai Islam. Bahkan mereka mencadangkan supaya kursus itu dimasukkan dalam perkiraan markah untuk pengijazahan supaya usaha mereka untuk mendapat markah yang lebih baik tidak membazir begitu sahaja. Berikutan itu, UKM telah melaksanakan cadangan berkenaan mulai sesi 1996/97 lalu.

Sebelum itu, UKM menjalankan kajiannya pada sesi 1994/95 di kalangan 341 pelajarnya. Daripada jumlah itu, 53 peratus pelajar Melayu, 39 peratus pelajar Cina dan lapan peratus pelajar India. Kajian itu mendapati 86 peratus pelajar Cina dan 83 peratus pelajar India berpendapat kursus Tamadun Islam berjaya mengubah pelbagai tanggapan negatif yang wujud di kalangan mereka. Selain itu, pengetahuan mereka mengenai Islam juga bertambah.

Di kalangan pelajar Melayu sendiri, lebih 50 peratus mengakui kursus itu bermanfaat. Malah, di kalangan pelajar Cina dan India, lebih 55 peratus bersetuju kursus itu memberi sumbangan positif dari sudut perpaduan kaum.

Sementara itu, kajian di UTM mendapati, pelajar turut mengakui kursus Tamadun Islam membantu mengurangkan masalah polarisasi kaum serta masalah disiplin.

"Satu kejayaan besar menerusi kursus itu ialah berjaya memantapkan kepercayaan pelajar bahawa alam ini dicipta oleh Pencipta yang mempunyai kuasa yang mutlak. Pelajar turut mengakui dan mengetahui hidup beragama mendorong manusia kepada kebaikan.

"Mereka turut menunjukkan rasa suka mengikuti kursus itu kerana berpeluang memahami agama lain. Ramai di kalangan mereka berpendapat jika masyarakat Malaysia berpegang kepada amalan beragama, gejala sosial tentu dapat dikurangkan," katanya.

Menurut Dr Sidek, kurikulum baru yang digubal semula yang dikenali sebagai Pengajian Tamadun Islam dan Tamadun-Tamadun Asia itu bertujuan memberikan tasawur (world view) yang lebih menyeluruh kepada pelajar Islam dan bukan Islam mengenai Tamadun Islam.

Katanya, dari segi pelaksanaan, jawatankuasanya mencadangkan tiga jenis model iaitu:

- * Model A - 4 jam kredit dalam tempoh dua semester
- * Model B - 6 jam kredit dalam tempoh dua atau tiga semester
- * Model C - 12 jam kredit dalam tempoh empat atau enam semester

"Pengenalan tiga model itu bertujuan memudahkan pelaksanaan dan penyesuaian yang perlu dibuat oleh universiti terbabit. Bagi universiti yang telah melaksanakan kursus berkenaan dengan jumlah kredit yang melebihi lapan kredit, tidak harus mengurangkan jumlah kredit yang sedia ada," katanya.

Menjelaskan mengenai komponen baru, Kenegaraan dan Tamadun-Tamadun Asia yang dimasukkan dalam kursus itu, Dr Sidek berkata, langkah itu perlu untuk menimbulkan kesedaran patriotisme di kalangan pelajar terhadap negara, terutama dari sejarah dan budayanya.

Selain itu, ia membolehkan pelajar daripada pelbagai latar belakang agama, kepercayaan dan budaya berkongsi asas penting dalam pembinaan negara Malaysia yang membabitkan masalah budaya, bahasa, agama dan etnik.

Mengenai Tamadun Asia, katanya, ia juga bukanlah kursus baru, sebaliknya pernah diajar di Universiti Malaya dan USM. Langkah itu, katanya, membolehkan generasi muda mengetahui sejarah kebangkitan tamadun masing-masing yang didokong oleh nilai agama dan bersama nilai falsafah.

"Dengan itu akan dapat meningkatkan kefahaman terhadap kelainan budaya, kepercayaan dan nilai-nilai bersama untuk membolehkan masyarakat Asia hidup dalam keadaan saling mengerti," katanya.

Malah kandungan bagi komponen Tamadun Islam juga dibuat penyelarasan. Katanya, komponen itu bertujuan memperlihatkan kebangkitan sebuah tamadun yang pada suatu masa lalu memberi sumbangan yang penting terhadap pembinaan tamadun Barat serta kejatuhannya.

Penjurusan bukan dalam bentuk indoktrinasi dan dogmatik, bukan mengenai akidah dan fiqh, sebaliknya hasil pembangunan tamadun dan sejarahnya. Ini bertujuan supaya dapat dikongsi oleh pelbagai pihak dan menghilangkan tanggapan negatif terhadap Islam serta melihat aspek positif dan bermanfaat kepada pembangunan tamadun umat manusia.

Menurutnya, walaupun Islam adalah agama rasmi bagi negara ini, ramai pelajar Islam sendiri kurang tahu mengenai tamadun yang dibina atas asas sistem nilai dan tasawwur Islam.

Kebanyakan masyarakat Islam mengetahui sebagai agama sahaja dalam pengertian yang sempit (yakni sebagai satu sistem ritual). Tidak kurang ramainya orang Islam yang mempunyai cara berfikir dan berkelakuan yang bertentangan dengan prinsip peradaban Islam.

"Oleh itu, pendedahan pelajar Islam kepada Tamadun Islam yang bersifat world-affirmative akan menimbulkan penghayatan yang lebih baik untuk diri

mereka sendiri dan untuk menyumbang secara lebih positif kepada usaha untuk memajukan bangsa dan negara," katanya.

Masyarakat yang bukan beragama Islam pula, katanya, sering didedahkan kepada citra negatif mengenai Islam, seperti persepsi bahawa Islam itu keganasan, Islam itu kejam dan antikemajuan, Islam itu agama yang membawa kemunduran dan kemiskinan, Islam itu poligami dan bersikap opresif terhadap wanita.

"Oleh itu, pelajar bukan Islam yang bakal menjadi pemimpin masyarakat perlu didedahkan kepada tamadun Islam supaya mereka menyedari hakikat bahawa Islam ialah sebuah peradaban universal dan pelbagai kaum yang sesuai dengan semua zaman dan tempat, budaya serta ciri negatif sesetengah masyarakat Islam sebenarnya bertentangan dengan semangat Tamadun Islam," katanya.

PELAKSANAAN KURSUS TAMADUN ISLAM DI IPT

STATUS SEKARANG

1. Pelaksanaan kursus berbeza antara IPT
 - * Ada yang wajibkan semua pelajar ambil dan lulus
 - * Ada yang wajibkan kepada semua pelajar Islam sahaja ambil dan lulus
 - * Ada yang jadikan subjek elektif dan wajib lulus
 - * Ada yang jadikan subjek elektif tetapi tidak wajib lulus
2. Kandungan kursus tidak selaras antara IPT
3. Kandungannya terhad kepada Tamadun Islam sahaja.

CADANGAN BARU

1. Tambah komponen baru
 - * Kenegaraan
 - * Tamadun Asia
2. Semua pelajar Islam bukan Islam wajib ambil dan lulus
3. Markah dikira dalam pengijazahan.

(END)